



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



26.9.2024

Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB and PBAPP.

PAIP BOCOR DI PERMATANG PAUH: PBAPP AKAN MULAKAN PEMASANGAN PAIP LENCONGAN BAHARU BERNILAI RM2 JUTA PADA JUMAAT, 4 OKTOBER 2024, 10.00 MALAM.

- Kontraktor pihak ketiga telah menyebabkan kebocoran pada saluran paip bekalan air utama berhampiran kampus Politeknik Seberang Perai di Permatang Pauh.
- Kebocoran paip telah menjelaskan perkhidmatan bekalan air di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).
- Gangguan bekalan air dijadualkan selama 24 jam (4.10.2024, Jumaat 10 malam hingga 5.10.2024, Sabtu 10 malam) untuk menyambung dan mengoperasikan saluran paip baharu.

PULAU PINANG, Khamis, 26.9.2024: PBAPP akan menyambung dan mengoperasi saluran paip baharu bernilai RM2 Juta berhampiran kampus Politeknik Seberang Perai di Permatang Pauh pada Jumaat, 4.10.2024 untuk menangani insiden yang telah menjelaskan perkhidmatan saluran bekalan air di Seberang Perai.

Sambungan akhir dan pengoperasian saluran paip baharu dijadualkan selesai dalam tempoh 24 jam iaitu bermula pada 4.10.2024 hingga 5.10.2024.

Bagi menjalalankan kerja-kerja pembaikan, PBAPP perlu menutup injap 1.2m (diameter) di saluran paip air terawat. Ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual (SWSI) selama 24 jam di sesetengah kawasan di Seberang Perai. Butiran SWSI adalah seperti berikut:

1.	Saluran paip	Saluran paip utama 1.2m dari Loji Rawatan Air (LRA), Sungai Dua ke Stesen pam Bukit Minyak.
2.	Masa/Tarikh	Jumaat, 4.10.2024 10 malam hingga Sabtu, 5.10.2024 10 malam.
3.	Jumlah pengguna yang terkesan	97,000 pengguna akaun air.
4.	Kawasan terkesan di SPT	Sebahagian pengguna di Seberang Perai Tengah (SPT) – Kuala Juru, Taman Mengkudu, Juru Heights, Taman Cendana, Taman Cendana Indah, Taman Seri

Paip bocor di Permatang Pauh: PBAPP akan mulakan pemasangan paip lencongan baharu berharga RM2 Juta pada Jumaat, 4 Oktober 2024, 10.00pm. / Halaman 1 daripada 3



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



		Cendana, Taman Cendana Emas, Taman Cendana Permai, IKS Juru, Juru Estet, Kawasan Juru, bukit Minyak Industrial Area, JMTI sektor perkilangan berhampiran JMTI, Flat Bayu Mutiara, Block Q Apartment Permata, Depot Juru, Bukit Minyak, Juru, Pangsapuri Permata Bandar Perda, Taman Janggus, Taman Naluri, Taman Pauh Damai.
5.	Kawasan terkesan di SPS	Seluruh Kawasan di SPS kecuali Bukit Panchor, Transkrian, Permatang Tok Mahat dan Sungai Acheh, Sungai Bakau

Seluruh pengguna yang terkesan dinasihatkan untuk menyimpan bekalan air secukupnya untuk tempoh 24 jam sepanjang SWSI.

PBAPP akan menggerakkan lori tangki air, tangki fleksi dan tangki statik di beberapa kawasan strategik yang akan dimaklumkan kelak menerusi siaran media sosial.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku. Walau bagaimanapun, kami perlu melaksanakan tindakan lanjut dengan segera dan efektif. Oleh itu, kami memohon kerjasama dan kefahaman pengguna yang terjejas di Seberang Perai.

Perlu membuat Tindakan lanjut segera dan efektif.

Kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor pihak ketiga secara tidak sengaja telah merosakkan bahagian saluran paip air utama berhampiran kampus Politeknik Seberang Perai pada Khamis, 19.9.2024.

PBAPP telah menjalankan siasatan di tapak dan menunjukkan bahagian yang bocor terletak kira-kira 15m di bawah longkang besar monsun. Ia agak sukar, bahaya dan mengambil masa bagi menggali lebih dalam untuk membaiki kerosakan.

Oleh itu, PBAPP mengambil keputusan untuk menggantikan saluran paip yang bocor dengan saluran paip baharu sepanjang 180m. Ringkasan skop kerja adalah seperti berikut:

- Menutup injap bagi mengelakkan banjir serta mengasingkan kawasan kerja.
- Menggali kawasan kerja bagi mendedahkan 2 saluran paip yang dipotong untuk disambungkan dengan saluran paip baharu
- Memotong 2 saluran paip di kawasan bocor yang akan dihentikan operasi.
- Memasang saluran paip baharu dan menghubungkan ke 2 kawasan dipotong sebelumnya.
- Buka semula injap.

Paip bocor di Permatang Pauh: PBAPP akan mulakan pemasangan paip lengongan baharu berharga RM2 Juta pada Jumaat, 4 Oktober 2024, 10.00pm. / Halaman 2 daripada 3



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



- Menguji sambungan baharu.
- Melaksanakan kerja-kerja pemulihan kawasan/jalan.
- Menjalankan kerja-kerja nyah-udara bagi menghapuskan sedut udara.

Pasukan PBAPP akan berusaha keras dalam memastikan kerja-kerja kecemasan dilaksanakan seperti yang dirancang dan dijadualkan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my